



FUNTASTICKO.NET™

KJ lihat dan uji prototaip MYKAR, EV pertama buatan Malaysia

Berita Tempatan

posted on 10. Sep, 2020 at 10:01 am



Menerusi laman **Twitter** rasminya semalam, Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI), **Khairy Jamaluddin** telah memuat naik ciapan dan beberapa foto yang memperlihatkan sebuah **prototaip kenderaan elektrik (EV)** pertama yang dibangunkan di Malaysia, dikenali sebagai **MYKAR**.

Kata beliau, sekiranya dapat dikomersialkan nanti, ia boleh dijual pada **harga sama seperti** sebuah **Perodua Myvi**. Model jenis *hatchback* ini dikatakan mampu mencapai **jarak pemanduan** sehingga **200km** dengan **sekali cas penuh**. MYKAR dibangunkan oleh syarikat tempatan, **System Consultancy Services Sdn Bhd (SCS)** yang berpangkalan di Wangsa Maju, **Kuala Lumpur**.

SCS merupakan sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang elektronik, komunikasi dan integrasi sistem dengan **pengalaman** selama **25 tahun** dalam **industri pertahanan**. Mereka mampu membangunkan sistem perisian dari peringkat awal, penyelenggaraan dan perunding ICT, serta mempunyai pesawat terbang sendiri (UAV) yang buatan mereka iaitu Agas FW X8, Agas MP Tethered dan Agas MR Quadcopter.

Berbalik kepada MYKAR, menurut rakan media kami **Hezeri Samsuri** (Careta.my), prototaip ini bukanlah model yang sebenar. Ia hanyalah untuk memperlihatkan keupayaan syarikat tersebut dalam membangunkan dan mengendalikan EV, bukan untuk membina keseluruhan kereta. Katanya, prototaip ini dibina dari casis kerangka tangga dengan badan yang diperbuat dari bahan gentian kaca.